

Kerajaan faham diesel keperluan utama di Sabah, Sarawak

Kuching: Mekanisme penyasaran subsidi diesel tidak memabitkan Sabah dan Sarawak kerana Kerajaan Persekutuan faham bahan api itu digunakan secara meluas di negeri itu berbanding Semenanjung.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pentadbirannya faham diesel adalah keperluan utama penduduk di dua negeri berkenaan dan dianggap bahan utama.

Menolak dakwaan ada tekanan dari Sabah dan Sarawak supaya penyasaran subsidi diesel tidak dilakukan di dua negeri berkenaan, Anwar berkata mekanisme itu juga sukar dilaksanakan di dua negeri berkenaan.

Beliau berkata dengan penjelasan itu beliau berharap pengkritik akan memahami pengecualian penyasaran subsidi tidak dipengaruhi oleh tekanan pemimpin Sabah dan Sarawak.

"Setiap bot setiap kenderaan di atas jalan raya memerlukan kenderaan diesel yang tinggi.

Maka kita tangguhkan penyasarannya di Sabah dan Sarawak.

"Malah, ada juga kemungkinan ia sukar dilaksanakan di Sabah dan Sarawak kerana terlalu ramai yang menggunakan diesel," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Majlis Makan Malam Gawai Dayak Peringkat Sarawak 2024, di Pusat Konvensyen Borneo Kuching, di sini, malam kelmarin.

Turut hadir, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg dan isteri, Puan Sri Juma'ani Tuanku Bujang serta dua Timbalan Premier, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Datuk Amar Dr Sim Kui Hian.

Nelayan, pekebun dibantu

Perdana Menteri berkata, keputusan kerajaan melakukan penyasaran subsidi diesel mencetuskan kontroversi, namun masyarakat harus mengakui penggunaan diesel untuk ken-

deraan tidak meluas di Semenanjung.

"Kalau untuk bas sekolah kita beri subsidi. Untuk nelayan kita bantu. Pekebun kecil pun kita bantu. Jadi, tidak terkesan <di Semenanjung>," katanya.

Menurutnya lagi, langkah kerajaan menyasarkan subsidi elektrik bagi golongan kaya dan syarikat besar awal tahun ini juga sudah memberi kesan positif.

"Pengarikan subsidi itu memabitkan 15 peratus golongan tertinggi, manakala 85 peratus rakyat di Semenanjung masih kekal mendapat subsidi.

"Dengan langkah itu kita dapat menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM4.5 bilion setahun," katanya.

Sementara itu, dalam maklum balas terhadap langkah kerajaan Sarawak mendahulukan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi melaksanakan projek menaik taraf kemudahan kesihatan dan pendidikan daif di luar bandar, Anwar berkata, Kerajaan



Anwar berucap pada perasmian Majlis Makan Malam Gawai Dayak peringkat negeri Sarawak 2024, di Pusat Konvensyen Borneo Kuching, malam kelmarin.
(Foto Nadim Bokhari/BH)

Persekutuan akan segera membayarnya semula.

"Hari Isnin ini saya akan arah Kementerian Kewangan untuk membayar balik RM100 juta segera.

"Ia supaya wang dapat dibelanjakan tanpa masalah. Kalau tidak tiap kali jumpa, Premier akan tanya bila nak bayar hutang. Jadi, saya tak mahu saya begitu," katanya.